

17/10/2003

OIC wajar laksana saranan Dr M

MENTERI Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata gesaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengambil tindakan sewajarnya dalam menangani isu umat Islam, perlu dilaksanakan negara Islam.

Beliau berkata, langkah itu perlu bagi mengelakkan pertubuhan itu hanya dilihat sebagai badan yang tahu bercakap tanpa melakukan tindakan dalam menangani sebarang permasalahan yang dihadapi.

Katanya, setiap tindakan bagaimanapun, perlu diteliti dengan perancangan yang berkesan untuk memastikan kejayaannya.